

Bah kuning dikesan antara faktor musnahkan kawasan pembiakan jentik-jentik

Kes denggi di Kelantan menurun

Oleh NOR AFIQAH MAT NOR

KOTA BHARU – Kes demam denggi di Kelantan sepanjang tahun ini menurun apabila sebanyak 2,455 kes dilaporkan berbanding 5,742 kes tahun lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan negeri Kelantan, Datuk Dr. Ahmad Razin Ahmad Mahir berkata, jumlah kes berkenaan menurun sebanyak 57.2 peratus sekaligus menunjukkan kejayaan pelbagai kempen yang dilakukan sebelum ini.

Menurut beliau, kes kematian akibat denggi juga menurun apabila hanya dua kes dilaporkan berbanding 11 tahun lalu.

“Berdasarkan pementauan, kita juga boleh kait-



AHMAD RAZIN (kiri) melihat replika nyamuk Aedes semasa melawat salah sebuah gerai pameran pada Program Gotong-Royong Mega Bersepadu Peringkat Kelantan di Kota Bharu semalam.

kan penurunan demam denggi ini selepas kejadian pembiakan jentik-jentik bah kuning pada 2014. “Mungkin ada kawasan musnah semasa banjir

besar selain kerja-kerja membersihkan kawasan terjejas banjir,” ujarinya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan program Gotong-Royong Mega Bersepadu Peringkat Kelantan di Sekolah Kebangsaan Tengku Indera Petra, Wakaf Mek Zainab di sini semalam.

Hadir sama Timbalannya, Dr. Junaidden Mohamad Zain dan Pengerusi Panel Penasihat Kelantan, Che Abdul Aziz Ibrahim.

Gotong-royong turut disertai penduduk setempat dan pelbagai agensi termasuk polis, bomba, Jabatan Sukarelawan Malaysia dan Majlis Pemandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam.